

Berita Manmin

NO. 21 26 MAC 2023

Haruman Kegembiraan

“

Kami seperti bau
kemenyan yang harum,
yang dipersembahkan
oleh Kristus kepada Allah.
Semerbak baunya merebak kepada
orang yang sedang diselamatkan
dan kepada orang yang sedang
menuju kepada kebinasaan.
(2 Korintus 2:15)

”

Kegembiraan ialah wangian khusus bagi anak Tuhan yang mendapat keselamatan.

Bersukacita hanya apabila sesuatu yang baik berlaku dan bersukacita hanya apabila ia memberi manfaat kepada anda

bukanlah kegembiraan yang sejati kerana ia bersyarat. Ia bukanlah kegembiraan yang sejati kerana ia hilang apabila kesusahan datang.


Kegembiraan yang kita miliki dalam Tuhan Yesus ialah kegembiraan yang sentiasa kita miliki tanpa mengira keadaan kita.

Walaupun hakikatnya sukar dan susah, kita mempunyai hidup yang kekal yang tidak akan kita tukarkan dengan apa-apa pun, dan kita penuh pengharapan bagi dunia akhirat. Ia membuatkan kegembiraan meloncat dari lubuk hati kita.

Haruman kegembiraan ini membawa keselesaan dan kebahagiaan bukan hanya kepada diri kita sendiri malah juga kepada orang di sekeliling kita.

“Lihatlah! Belakang saya telah menjadi lurus!”

Diaken Soonhyun Yoo (Usia 93, Gereja Manmin Seosan)



Saya hidup dengan menggunakan tongkat kira-kira 15 tahun akibat belakang saya yang semakin membongkok. Saya tidak dapat meluruskan belakang saya. Kadang-kadang saya cuba untuk meluruskan belakang saya, tetapi tidak berjaya. Akibatnya, bahagian bawah belakang saya tertarik dan tulang saya terasa sakit. Lengan kiri saya juga terasa sakit akibat kerja keras bercucuk tanam dan saya tidak dapat menggerakkannya dengan baik.

Pada pertengahan Januari tahun ini, saya terjatuh di dalam bilik air di rumah saya. Hal ini menyebabkan kesakitan teruk pada tulang ekor saya. Saya tidak dapat makan dengan baik kerana saya berasa ketakutan akibat kemalangan itu sehingga pencernaan saya terjejas. Di bawah jagaan anak sulung saya dan isterinya, saya cuba mengambil ubat tetapi tidak berkesan.

Saya bersama anak sulung saya menghabiskan masa cuti Tahun Baru Cina bersama anak-anak saya di Seoul. Pada 25 Januari iaitu selepas cuti Tahun Baru Cina, saya menerima doa daripada Puan Boknim Lee selepas Perjumpaan Doa Daniel.

Pada masa itu, saya berasa tenang dalam hati saya. Selepas doa, bahagian bawah perut saya tidak terasa

sakit apabila saya cuba untuk meregangkan belakang saya. Kesakitan pada lengan kiri saya juga hilang yang seterusnya membolehkan saya untuk bergerak dengan baik. Saya berasa bahawa keadaan diri saya semakin lama semakin baik.

Pada hari Ahad 29 Januari selepas ibadat petang, saya menerima doa daripada Dr. Soojin Lee, Pemangku Pastor Kanan. Pada masa itu, saya berasa sensasi dingin pada belakang saya. Apabila saya kembali ke rumah anak perempuan saya dan meregangkan belakang saya, saya dapat berasa bahawa belakang saya menjadi lurus. Saya berkata kepada anak perempuan saya, “Lihatlah! Belakang saya telah menjadi lurus!” Dia bersukacita bersama saya sambil berkata, “Belakang ibu sudah menjadi lurus!”

Rahmat Tuhan datang kepada saya yang telah berusia lebih daripada 90 tahun. Saya berasa terkejut kerana selepas menerima doa, bukan sahaja belakang saya kembali lurus malah kesakitan pada bahagian bawah perut, tulang ekor dan lengan kiri saya juga hilang dan saya dapat makan dengan baik. Haleluyah!

Saya memberikan segala kesyukuran dan kemuliaan kepada Tuhan Bapa atas kesembuhan itu.



Telefon: 82-2-824-7107
www.gcntv.org
webmaster@gcntv.org



Manmin International Seminary
Telefon: 82-2-818-7032
www.manminseminary.org
manminseminaryhq@gmail.com



World Christian Doctors Network
www.wcdn.org
wcdnkorea@gmail.com



Urim Books
Telefon: 82-2-818-7241
www.urimbooks.com
urimbook@hotmail.com



Oleh Pastor Kanan Dr. Jaerock Lee

Erti yang Dalam

“Itulah sebabnya seorang lelaki akan meninggalkan ibu bapanya untuk bersatu dengan isterinya, dan kedua-duanya akan menjadi satu. Ayat itu mengandungi erti yang dalam. Menurut pengertianku, ayat itu berkaitan dengan hubungan antara Kristus dan jemaah” (Efesus 5:31-32).

Ayat di atas berkenaan hubungan antara orang Kristian dengan Tuhan Yesus, pengantin lelaki mereka. Betapa hebat dan menakjubkan erti yang dalam ini bahawa kita harus meninggalkan dunia ini dan menjadi satu dengan Yesus Kristus sama seperti seorang lelaki dan seorang wanita meninggalkan ibu bapa mereka lalu menjadi satu. Sekarang, bagaimanakah kita dapat menjadi satu dengan Tuhan Yesus?

1. Menerima Roh Kudus dengan Menerima Yesus Kristus

Orang yang menerima Yesus Kristus menjadi anak-anak Tuhan dan apabila mereka menjadi satu dengan Yesus Kristus melalui iman, mereka menerima Roh Kudus. Yohanes 3:6 mengingatkan kita bahawa, “Secara jasmani manusia dilahirkan oleh manusia, tetapi secara rohani manusia dilahirkan oleh Roh Allah.” Apabila Roh Kudus masuk ke dalam hati kita, roh kita yang dahulunya mati dihidupkan kembali, Dia melahirkan roh dalam diri kita, dan kita menyerupai Tuhan Yesus. Kemudian, kita dapat menjadi anak-anak Tuhan yang Diri-Nya sendiri merupakan roh dan memanggil-Nya, “Bapa” (Roma 8:15; Galatia 4:6).

Pertama, hati manusia dapat dibahagikan kepada hati yang jelas benar dan hati yang jelas dusta; yang akan kita panggil “hati putih” dan “hati hitam”. Ketika Tuhan menghembuskan nafas kehidupan-Nya ke dalam lubang hidung manusia pertama, manusia itu menjadi makhluk hidup. Tuhan hanya mengajarnya tentang kebenaran dan menanamkan kebenaran di dalam hatinya. Selepas suatu masa berlalu, Adam melakukan dosa keingkaran kerana dia gagal untuk mentaati Firman Tuhan yang menyuruhnya untuk tidak makan buah daripada pokok yang memberi pengetahuan tentang yang baik dan yang jahat. Komunikasinya dengan Tuhan terputus lalu dosa dan dusta masuk ke dalam dirinya.

Kemudian, satu jenis lagi hati iaitu hati nurani terbentuk. Hati nurani tercipta apabila sifat yang diwarisi daripada ibu bapa bercampur dengan pelbagai jenis maklumat yang diperolehi melalui apa yang dilihat dan didengari oleh seseorang. Dia membentuk dan memiliki piawai nilai dan pertimbangan yang bercampur dengan kebenaran dan dusta, iaitu hati nurani. Antara tiga jenis hati yang kita bincangkan – hati yang benar, hati dusta, dan hati nurani – hati yang benar yang ditanamkan oleh Tuhan dalam diri manusia telah

hampir punah dan hati nurani manusia semakin jahat pada masa ini.

2. Roh Kudus Membolehkan Benih Kehidupan Bertunas dan Menghidupkan Roh yang Mati

Ketika Tuhan menghembuskan nafas kehidupan-Nya ke dalam lubang hidung manusia pertama, Adam, manusia itu menjadi makhluk hidup. Namun begitu, apabila dia melakukan dosa keingkaran, hampir semua nafas kehidupan telah hilang dan hanya tinggal jejaknya; jejak itu ialah benih kehidupan. Benih kehidupan dapat beroperasi apabila manusia berkomunikasi dengan Tuhan dan dibekalkan dengan kebenaran oleh Tuhan. Dosa Adam menyebabkan komunikasi manusia dengan Tuhan terputus lalu dusta memasuki hati manusia dan secara beransur-ansur menutup benih kehidupan. Benih kehidupan menjadi tidak aktif, skop aktiviti semakin mengecil, dan menjadi seolah-olah ia telah mati.

Keadaan di mana komunikasi dengan Tuhan yang merupakan roh telah terputus dan benih kehidupan tidak berfungsi dan tidak aktif kerana ia tertutup oleh dusta disebut sebagai “kematian roh manusia”. Namun begitu, hal ini tidak bermaksud bahawa roh sepenuhnya mati tetapi bermaksud bahawa roh berhenti beroperasi dan menunggu masa untuk hidup kembali. Hal ini sama seperti keadaan tumbuhan yang kelihatan seperti mati tetapi dapat bertunas dan bertumbuh pada akhirnya selagi masih ada hayat di dalamnya.

Bilakah roh manusia yang telah mati dapat hidup kembali? Apabila seseorang diinjili, cahaya Tuhan dan cahaya kebenaran akan bersinar di dalam hatinya. Pada masa itu, hati yang benar dan baik yang masih ada pada dirinya menerima cahaya dan menerima Yesus Kristus sebagai Penyelamatnya. Kemudian, Tuhan mengutus Roh Kudus ke dalam hatinya lalu Roh Kudus membolehkan benih kehidupan bertunas di dalam hati orang itu dan seterusnya benih kehidupan menjadi aktif.

Komunikasi dengan Tuhan bermula dan dia sekali lagi dibekalkan dengan pengetahuan tentang kebenaran. Hatinya yang telah diisi dengan dusta seperti kebencian dan kesombongan menjadi hati yang diisi dengan kebenaran seperti kasih.

3. Roh Kudus Melahirkan Roh dalam Diri Kita

Elemen yang paling penting agar Roh Kudus melahirkan roh dalam diri kita ialah doa. Sebanyak mana kita berdoa dengan bersungguh-sungguh, kita dapat menerima rahmat dan kekuatan dari atas untuk menyingkirkan dusta. Tidak kira betapa tekun kita berdoa, doa kita akan menjadi sia-sia melainkan kita memusnahkan pemikiran dan rangka kerja kita.

Roh Kudus akan mentadbir hati yang benar dan menyebabkan kita hidup dengan mengejar kehendak Roh Kudus. Iblis yang bekerja melalui pemikiran kita akan mentadbir hati dusta kita. Apabila ada banyak dusta, kita akan dipengaruhi oleh Iblis melalui pemikiran kita lalu hal ini menyebabkan kita hidup menurut keinginan badani dan meletakkan kita di jalan menuju kebinasaan.

Tidak kira betapa banyak kebenaran yang mungkin didengar oleh seseorang dan betapa dia dapat berdoa dengan sungguh-sungguh, tanpa menyingkirkan pemikiran dan perdebatan yang bersifat badani, dia tidak akan dapat hidup menurut kehendak Roh Kudus (2 Korintus 10:5). Hatinya akan terasa kosong dan dalam konflik. Orang sedemikian tidak akan dapat mempunyai pengalaman yang jelas dan nyata tentang kerja Tuhan.

Walaupun seseorang telah menyingkirkan hati dusta dari dalam, hal itu tidak akan menjadi penghujung ujiannya. Dia perlu berusaha untuk menyedari dan menyingkirkan kejahatan – sifat-sifat berdosa yang tersembunyi jauh di dalam sifatnya – dari hati nuraninya. Hati nurani (yang telah saya huraikan sebelum ini) kini akan membentuk sifat seseorang. Inilah hati yang paling dalam yang seseorang itu sendiri tidak sedar. Dusta dalam sifat seseorang adalah tidak sejajar dengan kehendak Tuhan tetapi kelihatan betul dan wajar pada pandangannya. Atas sebab ini, adalah tidak mudah untuk seseorang dengan sendiri menyedari dan menyingkirkan dusta dalam sifat dirinya.

Dengan membolehkan setiap orang menyedari dusta dalam sifat dirinya melalui ujian, Tuhan membentuknya menjadi bekas yang suci. Apabila anda menyedari diri anda melalui Firman-Nya dengan ilham oleh Roh Kudus, anda akan dapat menyingkirkan dusta daripada sifat diri anda dengan lebih cepat.

Jika anda berfikir bahawa Firman Tuhan hanya untuk orang lain dan gagal untuk menyedari diri anda berdasarkan Firman itu, pertumbuhan iman anda akan menjadi perlahan. Walau bagaimanapun, jika anda menyedari dusta dalam sifat diri anda dan

menyingkirkannya, anda akan berubah menjadi manusia roh yang telah menjadi suci.

4. Apabila Menjadi Satu dengan Tuhan Yesus

Apabila Roh Kudus melahirkan roh dalam diri kita, dan kita menyingkirkan semua dusta yang bertentangan dengan kebenaran, menghancurkan kebenaran diri, dan mencapai hati yang benar, kita akan dapat menjadi satu dengan Tuhan Yesus.

1 Yohanes 2:12 dan seterusnya menyamakan tahap kematangan iman iaitu proses seseorang menjadi satu dengan Tuhan Yesus, dengan pertumbuhan seorang manusia. Tahap iman di mana seseorang menerima Yesus Kristus, menerima Roh Kudus, dan memperoleh keselamatan ialah “iman bayi”. Tahap iman di mana seseorang berusaha untuk hidup menurut kebenaran ialah “iman kanak-kanak” manakala tahap iman di mana seseorang hidup menurut Firman Tuhan ialah “iman belia”. Apabila iman bertumbuh dengan lebih jauh dan mencapai tahap iman yang penuh, ia akan menjadi “iman bapa”.

Apabila kita memasuki tahap iman bapa dan sepenuhnya menjadi satu dengan Tuhan Yesus, kita akan menerima apa-apa sahaja yang kita minta kepada-Nya dalam doa kerana “hati nurani kita tidak menyalahkan kita” dan “kita dapat menghadap Allah dengan penuh keberanian” (1 Yohanes 3:21-22).

Saudara dan saudari yang saya kasihi dalam Kristus, saya berdoa demi nama Tuhan Yesus agar anda akan dengan tekun memiliki Roh Kudus yang melahirkan roh dalam diri anda dan sepenuhnya menjadi satu dengan Tuhan Yesus. Hal ini supaya anda dapat menjalani kehidupan yang diberkati di dunia ini dan di Yerusalem Baru, iaitu tempat kediaman yang paling mulia di seluruh Syurga.

Berita Manmin

Malay

Diterbitkan oleh Gereja Pusat Manmin

73, Yeoidaebang-Ro, 22-Gil, Dongjak-Gu, Seoul, Korea Selatan
(Poskod: 07058)

<http://www.manmin.org/english>

www.manminnews.com

E-mel: manminen@manmin.kr

Penerbit: Dr. Jaerock Lee

Diterjemahkan oleh Biro Misi Luar Negara

Pengakuan Iman

1. Gereja Pusat Manmin percaya bahawa Alkitab ialah Firman Tuhan yang sempurna dan tidak bercacat cela.
2. Gereja Pusat Manmin percaya kepada kesatuan dan karya Tuhan Trinititi: Tuhan Bapa, Tuhan Anak dan Tuhan Roh Kudus.
3. Gereja Pusat Manmin percaya bahawa kita diampunkan daripada dosa kita hanya melalui darah penebusan Yesus

Kristus.

4. Gereja Pusat Manmin percaya kepada kebangkitan dan pengangkatan Yesus Kristus, Kedatangan-Nya yang Kedua, Kerajaan Seribu Tahun, dan Syurga yang abadi.
5. Anggota Manmin mengaku iman mereka melalui “Pengakuan Iman Rasul” pada setiap kali mereka berkumpul dan percaya kepada kandungannya kata demi kata.

“[Tuhan] Dialah yang memberikan hidup dan nafas serta segala sesuatu kepada manusia.” (Kisah Rasul-rasul 17:25)
“Hanya melalui Yesus orang diselamatkan, kerana di seluruh dunia tiada orang lain yang mendapat kekuasaan daripada Allah untuk menyelamatkan kita.” (Kisah Rasul-rasul 4:12)

Sorotan khas

Marilah kita memecahkan pemikiran badani yang datang daripada kebenaran diri dan rangka kerja.

Tidak mudah untuk mengubah cara anda berfikir atau mengubah tingkah laku yang telah anda bentuk dalam tempoh yang panjang.

Oleh sebab anda cenderung untuk menerima dan memahami sesuatu hanya dalam lingkungan rangka kerja anda, sekiranya anda telah membentuk rangka kerja yang salah tentang kebenaran menurut cara anda, adalah sukar untuk memahami kehendak Tuhan yang sebenar yang terkandung dalam Firman.

'Kebeneran diri' ialah sifat menegaskan bahawa

pendapat seseorang adalah betul, manakala 'rangka kerja' ialah pemantapan pemikiran dengan memikirkan bahawa sesuatu perkara adalah betul.

Jika anda tidak memusnahkan pemikiran badani sedemikian, anda tidak dapat masuk ke tahap iman roh dan anda mungkin berhenti pada ambang tahap iman roh.

Oleh itu, berserta dengan doa yang sungguh-sungguh, harus ada usaha yang berterusan untuk menyedari diri anda berdasarkan firman kebenaran.

01 Pemikiran badani yang datang daripada rangka kerja perangai

Sesetengah orang tidak sedar tentang perangai yang diwarisi oleh mereka daripada ibu bapa mereka dan yang tersembunyi dalam chi, atau tenaga hidup mereka. Oleh itu, mereka tidak dapat menyedari kekurangan diri mereka mahupun menyingkirkannya.

Ada sesetengah orang yang dilahirkan dengan perangai introvert. Mereka biasanya pendiam dan mereka biasanya tidak berasa marah atau bergaduh dan menggugat kedamaian.

Jika orang seperti itu menjadi ketua kumpulan, mereka mungkin kurang mengambil berat tentang orang lain atau kurang dapat memimpin orang lain dengan keyakinan kerana mereka kekal pasif sedangkan seorang ketua perlu bersikap tegas. Namun begitu, mereka tidak mempunyai masalah yang ketara dengan orang lain. Oleh sebab mereka menganggap orang lain dengan kebaikan, mereka tidak menyedari masalah yang ada pada diri mereka sendiri.

Sebaliknya, sesetengah orang dilahirkan dengan keperibadian ekstrovert. Mereka bersemangat dalam setiap kerja dan mereka mengekspresikan diri mereka dengan baik. Namun begitu, mereka cenderung untuk ada kekurangan. Mereka tidak benar-benar menganggap orang lain lebih baik daripada diri mereka. Mereka tidak memberikan keselesaan kepada orang lain. Apabila mereka terpaksa berundur dan mengalah, mereka tidak dapat berdamai dengan orang lain dengan memikirkan bahawa mereka perlu mempunyai kerinduan untuk mencapai tahap iman roh dan maju ke Syurga.

02 Pemikiran badani yang datang daripada keperibadian yang negatif

Orang yang memandang dunia ini dengan kesedihan dan kebencian cenderung untuk menjalani kehidupan iman dalam kesukaran akibat pemikiran badani yang datang daripada keperibadian yang negatif.

Sebagai contoh, mereka cuba untuk berdoa dan bekerja untuk pemerintahan Tuhan dengan menyingkirkan dosa dan menerima berkat. Pada masa yang sama, seseorang yang dalam situasi yang sama menerima berkat yang ingin diterima oleh mereka. Apabila mereka berasa bahawa orang lain mendahului mereka, mereka berasa resah dan tawar hati.

Oleh sebab mereka tidak dapat merasakan kasih Tuhan yang mendalam dalam hati mereka, apabila mereka berurusan dengan orang lain, mereka tidak memahami dan menerima orang lain berdasarkan ukuran iman mereka. Mereka memandang orang lain dalam lingkungan rangka kerja mereka.

03 Pemikiran badani yang datang daripada kekurangan tubuh

Manusia melalui banyak peringkat dalam pertumbuhan dan kematangan fizikal mereka. Dalam setiap peringkat, mereka harus mengalami perkara-perkara tertentu dan dilatih untuk melakukan perkara-perkara tertentu. Kekurangan tubuh ialah kekurangan dalam aspek pengalaman dan latihan ini.

Sebagai contoh, orang yang tidak dilatih untuk mendengar ajaran guru mungkin tidak dapat memberi tumpuan kepada apa yang dikatakan oleh orang lain walaupun apabila mereka sudah dewasa. Oleh itu, mereka tidak dapat menumpukan perhatian sewaktu ibadat, dan mereka tidak dapat mendengar orang lain dengan teliti dalam perbualan.

Selain itu, mereka mungkin tidak dapat menumpukan perhatian sewaktu mendengar apa yang dikatakan oleh majikan mereka dan mereka melakukan kesilapan. Bukannya mereka mahu untuk mengingkari perintah Tuhan tetapi mereka menggunakan pemikiran badani kerana mereka tidak dapat mengingatnya.

Sesetengah orang dibesarkan dalam persekitaran yang tertutup. Justeru itu, mereka kurang kemahiran berkomunikasi. Mereka tidak dapat benar-benar memahami cara pemikiran orang lain atau cara untuk mengekspresikan diri mereka. Mereka tidak dapat bergaul dengan orang lain dengan lancar.

Hal ini bukan kerana mereka berfikir dalam lingkungan pengalaman mereka sendiri, 'Saya suka ini, dan saya pasti dia juga berfikir dengan cara yang sama,' tetapi akibat pemikiran mereka adalah tidak betul.

04 Pemikiran badani yang tersembunyi dalam kepenuhan persekitaran

Sesetengah orang melakukan kesilapan dengan menganggap bahawa mereka sentiasa mempunyai pemikiran rohani walaupun mereka mengabaikan penyunatan hati mereka. Oleh sebab perasaan gembira datang daripada keadaan itu, mereka hanya melupakan

pemikiran badani yang dimiliki oleh mereka dari masa ke masa.

Sesetengah orang tidak dapat mengatasi sebarang kesulitan yang dihadapi oleh mereka. Hanya dengan menyunatkan hati dan memiliki kepenuhan Roh Kudus yang tidak luntur dalam apa-apa keadaan, barulah kita dapat memiliki hati yang tulus dan iman yang sempurna.

05 Pemikiran badani yang datang daripada dusta yang sangat kecil

Sesetengah orang memupuk hati mereka dengan kebenaran sehingga tahap yang ketara tetapi mereka mempunyai pemikiran badani kerana mereka tidak menyingkirkan dusta yang sangat kecil dengan sepenuhnya. Apabila seseorang memberikan nasihat kepada mereka, mereka bersetuju dengan nasihat itu tetapi berasa tidak selesa untuk seketika.

Jika anda mempunyai 0.1 peratus perasaan tidak selesa di dalam hati anda, anda bukanlah manusia roh. Oleh sebab 99.9 peratus daripada hati mengandungi kebaikan, anda melupakan 0.1 peratus dusta yang sangat kecil kerana pemikiran yang tidak selesa seperti itu berlalu dengan sangat cepat. Justeru itu, anda tidak dapat melepasi ambang tahap iman roh.

06 Pemikiran badani yang datang daripada rangka kerja kebenaran

Sesetengah orang mentafsirkan firman kebenaran dengan cara mereka sendiri dan menganggap perkara-perkara tertentu adalah betul dan baik, lalu mengukuhkan idea-idea tersebut. Oleh itu, mereka tidak menyedari bahawa ia adalah salah. Dalam sesesetengah situasi, pemikiran mereka yang diperoleh daripada rangka kerja itu adalah betul lalu mereka bertambah yakin dengan idea mereka.

Katakanlah seorang pekerja di gereja berasa tersentuh hati oleh pastor yang memaafkan dan menutup kesalahan seorang anggota gereja. Dalam hal ini, pekerja itu membentuk rangka kerja tentang kebaikan dengan berfikir, 'Memaafkan dan memahami orang lain merupakan kebaikan.' Kemudian, dia cuba untuk memaafkan dan menutup kesalahan kumpulan orang yang dipercayai kepadanya. Adakalanya dia perlu menegur atau menghukum seseorang untuk membawa orang itu untuk bertaubat dan berpaling daripada dosa. Namun begitu, dia tidak dapat memahami kasih Tuhan dengan lebih mendalam untuk orang itu akibat pemikiran badani yang datang daripada rangkanya tentang kebaikan.

“Ketika saya menyanyikan lagu pujian, angin sejuk bertiup lalu kesakitan pada bahu kanan saya hilang.”

Diaken Kanan Sangsoon Park (Usia 68, Paroki Ke-14)

Sekitar bulan April 2022, saya merasakan kesakitan yang teruk pada bahu kanan saya, mungkin akibat terlalu banyak menggunakan lengan ketika di tempat kerja. Memandangkan bahu saya terasa sakit siang dan malam, keadaan menjadi sangat sukar dan tidak mudah bagi saya untuk menjalani kehidupan seharian saya. Apabila tidur, saya sama sekali tidak dapat berbaring pada sebelah kanan. Walaupun ketika saya sedang tidur, saya terkejut dan terbangun akibat kesakitan.

Apabila saya pergi berjumpa doktor, dia mengatakan bahawa kesakitan itu akibat 'keradangan bahu kanan'. Dia juga berkata, "Oleh sebab usia tua anda, adalah sukar untuk menyembuhkannya dalam tempoh yang singkat." Walaupun saya menerima rawatan perubatan, kesakitan masih sama. Saya pergi ke klinik tradisional dan mencuba akupunktur, tetapi ia hanya berkesan pada saat itu.

Pada bulan Disember, saya memutuskan untuk bergantung kepada Tuhan untuk kesembuhan. Saya menghadiri 'Perjumpaan Doa Nazar Daniel' sebelum Perjumpaan Kesembuhan Ilahi pada bulan Januari dan berdoa dengan sungguh-sungguh. Saya mempersiapkan diri saya dengan membaca Alkitab dan berdoa dari pukul 5:00 hingga 7:00 setiap pagi dengan kerinduan.

Kemudian pada suatu hari, semasa saya berdoa

dengan sungguh-sungguh, saya teringat perkara-perkara salah yang telah saya lakukan sejak kecil. Saya banyak bertaubat tentang perkara-perkara yang tidak saya patuhi.

Pada 13 Januari 2023, saya menghadiri Ibadat Sepanjang Malam Jumaat melalui GCN yang diadakan sebagai Perjumpaan Kesembuhan Ilahi. Selepas Dr. Soojin Lee, Pemangku Pastor Kanan, menyampaikan khutbah, beliau memimpin pujian untuk pertaubatan dan kepenuhan Roh Kudus. Kemudian, saya mempunyai pengalaman yang luar biasa. Ketika saya menyanyikan pujian, angin sejuk bertiup ke arah bahu saya lalu kesakitan pada bahu kanan akibat keradangan hilang sepenuhnya. Haleluyah!

Sejak itu, saya sama sekali tidak mengalami kesakitan, jadi tiada rasa tidak selesa dalam kehidupan seharian saya. Saya dapat berbaring ke sebelah kanan saya apabila saya tidur tanpa sebarang masalah. Saya berasa gembira dapat tidur nyenyak tanpa terbangun akibat kesakitan.

Saya memberikan segala kesyukuran dan kemuliaan kepada Tuhan Trinitas Yang Maha Kasih; Tuhan Bapa yang telah menunggu saya, Tuhan Yesus yang menumpahkan darah-Nya yang berharga bagi saya, dan Roh Kudus yang memimpin saya ke jalan jawapan.





“Saya dapat melihat dengan dengan jelas dengan mata kiri saya, penyakit asma dan penyakit jantung saya selama 85 tahun telah sembuh.”

Diaken Junghee Park (Usia 94, Paroki Cina)

Saya dilahirkan di Korea Selatan tetapi berpindah ke wilayah Jilin, China bersama dengan ibu bapa saya apabila saya berusia 8 tahun. Dari usia 10 tahun, tubuh saya lemah dan saya menderita pelbagai penyakit seperti batuk kokol, asma dan sakit jantung. Keluarga saya menghadapi masalah kewangan yang teruk, jadi saya terpaksa bekerja dengan membantu jiran bercucuk tanam sejak usia 13.

Selepas berkahwin, demi menjaga ibu mentua saya dan membesarkan 6 orang anak, saya bekerja keras dengan mengikat jerami padi yang merupakan kerja yang sukar dilakukan sekalipun oleh lelaki. Apabila usia saya 50 tahun, sebutir padi masuk ke dalam mata kiri saya semasa saya mengirik padi. Selepas itu, mata saya kelihatan kabur seolah-olah sarang labah-labah melekat pada mata saya. Saya juga menghidap katarak, jadi saya hampir tidak dapat melihat dengan mata kiri saya.

Pada usia 60 tahun, saya kembali ke Korea Selatan. Pada bulan Jun 2007 dalam usia 78, saya menjadi anggota Gereja Pusat Manmin dengan bimbingan cucu perempuan saya. Semasa menghadiri gereja, saya berasa selesa dan gembira. Khutbah

Pastor Kanan Dr. Jaerock Lee saya dengar dan saya menerima rahmat. Saya gembira menjalani kehidupan Kristian saya ketika saya menghadiri semua ibadat dan Perjumpaan Doa Daniel.

Sekitar bulan Julai 2022, sesuatu seperti mimpi berlaku kepada saya. Pada satu hari, saya dapat melihat dengan jelas dengan mata kiri saya yang hampir tidak dapat melihat. Hal ini sangat menakutkan.

Atas rahmat Tuhan yang besar, saya sembuh daripada penyakit katarak 45 tahun yang tidak pernah saya fikirkan. Oleh itu, saya juga ingin disembuhkan oleh Tuhan daripada penyakit asma dan penyakit jantung.

Saya mendaftar sebagai pesakit dalam Perjumpaan Kesembuhan Ilahi pada bulan September dan mempersiapkan diri dengan kerinduan melalui doa. Saya menghadiri perjumpaan itu melalui GCN dan menerima doa untuk orang sakit daripada Dr. Soojin Lee, Pemangku Pastor Kanan. Kemudian, satu lagi keajaiban berlaku dalam hidup saya.

Akibat asma, pernafasan saya selalu terasa berat dan saya selalu batuk apabila saya berbaring untuk tidur. Batuk saya menjadi

lebih teruk apabila saya berbaring ke sebelah kiri, jadi saya terpaksa bersandar pada dinding untuk tidur. Namun begitu, tiada sebarang masalah lagi selepas saya menerima doa.

Bukan setakat itu sahaja. Saya dahulunya sentiasa berasa sesak nafas pada bahagian dada akibat penyakit jantung namun gejala itu hilang sepenuhnya. Penyakit asma dan penyakit jantung selama 85 tahun juga sembuh. Haleluyah!

Memandangkan saya menghidap penyakit sejak kecil, saya berfikir bahawa semua penyakit ini merupakan beban yang perlu saya pikul sepanjang hayat saya. Saya sangat bersyukur kepada Tuhan kerana memberi saya kesihatan yang baik pada usia tua ini.

Sungguh mengagumkan untuk dapat menjadi sihat tanpa apa-apa masalah. Oleh sebab saya bertemu Tuhan pada usia yang sangat tua, saya mahu lebih mengasihi-Nya dan dikasihi-Nya sehingga hari saya berada dalam dakapan Tuhan Yesus.

Saya memberikan segala kesyukuran dan kemuliaan kepada Tuhan, Bapa yang sungguh baik, yang mengasihani saya, mendakap saya dengan kasih dan memberi saya kesihatan yang baik dan kegembiraan.